MCIS INSURANCE BERHAD Registration No.: 199701019821 (435318-U)

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Address:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

mcis LIFE
member of Sanlam group

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: **<tarikh>**

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Super?

Super ialah pelan sepanjang hayat tanpa penyertaan yang menawarkan gabungan insurans perlindungan dan simpanan. Pelan ini menyediakan perlindungan bagi kematian, Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh, atau sekiranya didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal yang dilindungi. Pelan ini juga menyediakan Manfaat Matang.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi **RM14,370.00*** secara tahunan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:

Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya yang tidak merokok, dengan tempoh pembayaran premium selama **70 tahun, tempoh polisi selama **70** tahun, Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM500,000 dan risiko piawai.*

Kematian[1]	**5 Tahun Polisi Pertama: RM500,000** Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Kematian Akibat Kemalangan[1]	**5 Tahun Polisi Pertama: RM1,000,000** Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Kematian Akibat Kemalangan disebabkan Punca Kemalangan Khusus[1]	**5 Tahun Polisi Pertama: RM1,500,000** Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh[1]	**5 Tahun Polisi Pertama: RM500,000** Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Penyakit Kritikal[1]	**5 Tahun Polisi Pertama:** (a) **RM500,000** bagi penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi, kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari; dan (b) **RM25,000** bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari. Jumlah maksimum yang akan dibayar adalah **RM500,000.** Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Manfaat Matang	**RM1,150,000**

[1]Jumlah Asas Diinsuranskan akan meningkat sebanyak RM50,000 daripada Jumlah Asas Diinsuranskan asal selepas setiap 5 tahun pada ulang tahun polisi, yang dirujuk sebagai Jumlah Diinsuranskan Berkuatkuasa dan manfaat yang perlu dibayar akan berbeza berdasarkan Jumlah Diinsuranskan Berkuatkuasa.

Perlindungan Tambahan	Ini adalah perlindungan tambahan yang anda boleh pilih bersama dengan pelan ini: 1. Accident Benefit Rider 2. Child Accident Rider 3. Enhanced Comprehensive Personal Accident Benefit 4. Enhanced Comprehensive Personal Accident Benefit with Medical & Surgical 5. Hospital Benefit Rider 6. LadyCare Rider With Maternity 7. LadyCare Rider Without Maternity 8. Living Benefit Rider 9. Payer Benefit Rider 10. Revised Comprehensive Personal Accident Benefit 11. Revised Comprehensive Personal Accident Benefit with Medical & Surgical 12. Term Rider

SAMPLE

Penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi di bawah pelan ini termasuk:

1. Kanser
2. Strok
3. Serangan Jantung
4. Sklerosis Berbilang
5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

KETAHUI LEBIH LANJUT:

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk maklumat mengenai penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi.

Insurans hayat anda **tidak termasuk**:

- Kematian akibat bunuh diri, sama ada semasa siuman atau tidak siuman dalam masa 13 bulan dari tarikh pengeluaran polisi atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih lewat;
- Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh yang telah wujud pada tarikh pengeluaran polisi atau pada tarikh penguatkuasaan semula; dan
- Penyakit kritikal akibat penyakit sedia ada.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:

Hubungi	Layari	Emel
03-7652 3388	SuperSeries	customerservice@mcis.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi insurans hayat anda, anda harus membayar premium sebanyak:	
Premium	**<jumlah premium>** secara <kekerapan> bagi Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak **<jumlah>.** Premium adalah dikenakan ke atas risiko piawai.
Tempoh Polisi: **<tempoh>** tahun	Tempoh Pembayaran Premium: **<tempoh>** tahun
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj yang berikut:	
Komisen	**<peratusan>** daripada jumlah premium dibayar atau **<jumlah komisen>.**

4 Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan.
- Terma polisi dan premium mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Premium adalah dijamin.
- Perlindungan penyakit kritikal anda hanya akan bermula jika tiada manifestasi penyakit kritikal dalam tempoh menunggu yang berkenaan. Tempoh menunggu ialah 30 hari dari tarikh pengeluaran polisi atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih lewat, kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari, Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung dan Penyakit Arteri Koronari Serius, di mana tempoh menunggu ialah 60 hari.
- Tempoh tangguh selama 30 hari bagi kekerapan pembayaran premium bulanan dan 45 hari bagi kekerapan pembayaran premium lain adalah terpakai. Pelan insurans hayat anda akan luput sekiranya sebarang premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh, melainkan Polisi anda telah memperolehi nilai serahan terjamin.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar tentang pelan insurans yang telah anda beli.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu oleh pelan insurans baharu atau syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai terma dan syarat yang penuh.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung tanpa faedah.
- **Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh menyerahkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad. Selepas menerima permintaan penyerahan, MCIS Insurance Berhad akan membayar nilai serahan terjamin (jika ada) ditolak sebarang caj serahan dan ditolak sebarang keterhutangan.

SAMPLE